



TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

Menangani Isu Sosial Negara Secara Menyeluruh dan Bersepadu

Saya telah mempengerusikan **Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) Bilangan 2 Tahun 2025**. Majlis ini merupakan platform penting dalam menyelaraskan pelaksanaan dasar sosial secara menyeluruh dan rentas kementerian, seiring komitmen Kerajaan MADANI untuk membina masyarakat yang inklusif, sejahtera dan berdaya tahan.

Bagi memperkukuh impak pelaksanaan dasar, keanggotaan MSN mulai tahun ini telah diperluaskan melibatkan kementerian-kementerian strategik seperti Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Menteri di JPM (Wilayah Persekutuan).

Mesyuarat memandang serius **peningkatan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang melonjak daripada 2,541 kes pada tahun 2020 kepada 3,892 kes pada tahun 2024, peningkatan sebanyak 53.2%. Jumlah mangsa juga meningkat daripada 2,561 orang kepada 3,988 orang, iaitu peningkatan sebanyak 55.7% dalam tempoh yang sama.**

Perkembangan teknologi dan revolusi industri telah memperlihatkan modus operandi jenayah yang semakin canggih, termasuk penggunaan teknologi *deepfake* dan pencurian identiti digital. Justeru itu, **Kerajaan akan melaksanakan pendekatan bersepadu melibatkan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi menangani isu ini secara menyeluruh, tegas dan berkesan.** Ini termasuklah penganjuran **Seminar Perlindungan Kanak-Kanak : Menangani Ancaman Siber dan Jenayah Seksual** pada bulan November nanti.

Mesyuarat hari ini telah meneliti **pelaksanaan DSN 2030 dan pembangunan Pelan Tindakan 2026–2030**. DSN 2030 merupakan dasar induk yang menyelaraskan 44 Dasar Sosial Negara. Pelan Tindakan DSN 2026 -2030 kini di fasa akhir dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada Oktober 2025.

Majlis turut meneliti isu gelandangan yang mengalami gangguan mental tetapi terlepas daripada intervensi rawatan akibat ketiadaan penempatan khas. Majlis **menyokong inisiatif KKM untuk menubuhkan taskforce bagi membina rumah jagaan kejururawatan psikiatri**.

Tambahan itu, mesyuarat telah meneliti dan mencadangkan penubuhan **Jawatankuasa Khas Pendidikan Islam Prasekolah Kebangsaan** bagi menyelaraskan isu pendaftaran, keselamatan, kesihatan serta strategi kurikulum dan tenaga pengajar. Ini langkah strategik ke arah sistem pendidikan awal kanak-kanak yang lebih teratur dan berkesan.

Mesyuarat turut meneliti isu ketidakpadanan kemahiran dalam kalangan graduan. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan seramai 2.06 juta graduan kini bekerja dalam sektor yang tidak setaraf dengan kelayakan mereka. Bagi menangani isu ini secara strategik, inisiatif **MyMAHIR** yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan TalentCorp telah dilancarkan.

Setakat ini, sebanyak 66 program latihan berteraskan industri telah diluluskan di bawah Majlis Bakat Kemahiran Masa Hadapan MyMAHIR merangkumi sektor-sektor berimpak tinggi seperti semikonduktor, kecerdasan buatan (AI), analitik data dan ekonomi hijau. Program ini bukan sahaja menyediakan latihan berkemahiran tinggi, malah disertakan jaminan pekerjaan dengan purata gaji permulaan RM3,000 sehingga RM6,000 sebulan.

Akhirnya, saya tegaskan bahawa Majlis Sosial Negara merupakan jentera penyelarasan utama dasar sosial kebangsaan. Pelaksanaan DSN 2030 mesti dipacu secara bersasar dan berimpak tinggi, dengan pemantauan berkala, ukuran impak dan akauntabiliti tinggi oleh semua agensi.

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Merangkap Pengerusi Majlis Sosial Negara

29 Julai 2025